Ucapan : ADHO
587
206/80

DERAF UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI PELAJARAN MALAYSIA DI UPACARA PEMBUKAAN RESMI BANGUNAN SEKOLAH RENDAH DAN SEBUAH DEWAN KULIAH SERTA BENGKEL SENI PERUSAHAAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN METHODIST, KUALA LUMPUR PADA HARI SABTU, 19HB MEI, 1973 JAM 4.15 PETANG

---

SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KERANA MEMBERI KEHORMATAN KEPADA SAYA PADA PETANG INI UNTUK MEMBUKA DENGAN RESMINYA SEBUAH BANGUNAN BARU TIGA TINGKAT YANG MENGANDUNGI 12 BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH RENDAH DAN JUGA SEBUAH DEWAN KULIAH DAN BENGKEL SENI PERUSAHAAN UNTUK MURID-MURID MENENGAH SEKOLAH INI.

...2

2. SAYA TELAH DIFAHAMKAN BAHAWA KETIGA-TIGA PROJEK PEMBANGUNAN INI TELAH MENELAN PERBELANJAAN LEBIH DARIPADA $200,000 ~~$240,000~~. KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MEMBERI BANTUAN SEBANYAK $55,000 SAHAJA. ~~PIHAK~~ SEKOLAH-SEKOLAH INI TELAH BERJAYA MENGUMPULKAN SEBAHAGIAN LAGI WANG YANG DIPERLUKAN, DARIPADA PARA DERMAWAN. SAYA BERASA BANGGA DAN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUS, GURU-GURU, MURID-MURID DAN IBUBAPA

...3

SEKOLAH-SEKOLAH INI DI ATAS KEJAYAAN MEREKA ITU. SAYA BERHARAP BIARLAH KEJAYAAN INI MENJADI CONTOH KEPADA RAKYAT YANG BERADA SUPAYA TAMPIL KEHADAPAN DAN BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DALAM MEMBERI PELAJARAN KEPADA JENERASI MUDA KITA PADA MASA INI DAN AKAN DATANG.

3. LAPURAN KECICIRAN TELAH DIUMUMKAN BARU-BARU INI. SATU PERKARA YANG SANGAT PENTING YANG MENARIK PERHATIAN ORANG RAMAI IALAH LAPURAN ITU TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA SATU DIANTARA SEBAB-SEBAB YANG BESAR MENGAPA MURID-MURID MENJADI CICIR IALAH KERANA MEREKA BELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG RENDAH MUTUNYA ---------- SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG MENDAPAT GURU-GURU YANG TERLATIH, SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG KELENGKAPAN DALAM SERBA-SERBINYA, DAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG KECIL-KECIL LAGI TIDAK EKONOMI.

...5

SEKOLAH-SEKOLAH ITU TERDIRI DARIPADA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN, SEKOLAH-SEKOLAH CHINA DAN TAMIL. HAMPIR LEBIH 75 % DARIPADA KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH TELAH MEMASUKI SEKOLAH-SEKOLAH ITU. MEREKA ITU KEBANYAKKAN-NYA TERDIRI DARIPADA ANAK-ANAK KELUARGA-KELUARGA YANG MISKIN, SEMENTARA BAKI YANG 25% LAGI DIHANTAR KE SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH INGGERIS. IBU-IBUBAPA MEREKA ITU KEBANYAKKAN-NYA TERDIRI DARIPADA KELUARGA-KELUARGA YANG BERADA. SEKOLAH-SEKOLAH INI MEMPUNYAI MURID-MURID YANG RAMAI, BILANGAN GURU-GURU YANG

...6

BESAR DAN KELENGKAPAN-KELENGKAPAN YANG MENCUKUPI. OLEH KERANA ADANYA SEKIL EKONOMI (ECONOMICS OF SCALE) SEKOLAH-SEKOLAH INI MENDAPAT KEJAYAAN YANG BESAR.

KERAJAAN MEMANDANG BERAT TENTANG KECICIRAN MURID-MURID. IA TELAH MEMBENTUK SEBUAH JAWATANKUASA YANG AKAN MENGKAJI LAPURAN KECICIRAN INI. ORANG-ORANG RAMAI ADALAH DIPELAWA UNTUK MEMBERI SEBARANG PANDANGAN DAN PENDAPAT SUPAYA JAWATANKUASA INI DAPAT MEMBUAT CADANGAN-CADANGAN DAN MENYAMPAIKANNYA KEPADA PIHAK KERAJAAN.

...8

4. HARI GURU BAGI TAHUN 1973

TELAHPUN DI SAMBUT DI SELURUH NEGARA PADA 16HB MEI INI. IA MERUPAKAN SATU HARI YANG PENTING BAGI KITA SEMUA. THEMA HARI GURU TAHUN INI IALAH " KERJASAMA GURU - IBUBAPA UNTUK KEMAJUAN PENDIDIKAN ". MASALAH PELAJARAN BUKANLAH MASALAH KERAJAAN SEMATA-MATA. MASYARAKAT BOLEH DAN MESTILAH SAMA-SAMA BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN UNTUK MEMBERI PELAJARAN YANG SEMPURNA KEPADA JENERASI MUDA. KITA TIDAK INGIN MELIHAT MEREKA MENJADI KANAK-KANAK YANG SALAH ASUHAN ATAU "JUVENILE

...9

DELINQUENTS" DI DALAM MASYARAKATNYA YANG MEWAH DAN KAYA. MEREKA PERLU DIDIDIK SUPAYA DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI DISAMPING MEMILIKI NILAI-NILAI ROHANI DAN AKHLAK YANG MULIA DAN TINGGI.

DI BANDAR-BANDAR BESAR SEPERTI KUALA LUMPUR INI, PROSES URBANISASI ATAU PERBANDARAN BERJALAN DENGAN SANGAT PESATNYA. PROSES URBANISASI INI JUGA DISAMPING MEMBAWA KEMAJUAN IA JUA MENIMBULKAN BERBAGAI MASALAH SOSIAL. PENDUDUK-PENDUDUK YANG BERTAMBAH RAMAI MENJADIKAN MASALAH PERUMAHAN DAN SETERUSNYA